



KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

KPKT IKTIRAF PENCAPAIAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN LAKSANAKAN PEMBAYARAN TANPA TUNAI

PETALING JAYA, 27 Oktober 2024 - YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hari ini telah menyempurnakan **Majlis Penutupan Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2024 dan Sesi Penyampaian Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan Terbaik (*Best PBT Award*) Tahun 2024** yang di taja oleh Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet).

Penyampaian anugerah berkenaan adalah bagi mengiktiraf pencapaian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terbaik dalam pelaksanaan pembayaran tanpa tunai (*cashless*) melibatkan hasil cukai taksiran bagi tahun 2024. Anugerah ini adalah tanda penghargaan kepada semua PBT atas usaha meningkatkan kecekapan dan ketelusan dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat menerusi penggunaan teknologi digital.

Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan Terbaik (*Best PBT Award*) Tahun 2024 yang julung kali diperkenalkan oleh PayNet secara kerjasama dengan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menawarkan hadiah sebanyak RM200,000 kepada PBT yang mencapai tahap terbaik bagi pelaksanaan pembayaran tanpa tunai di PBT mengikut **tiga (3) kategori iaitu Bandaraya, Perbandaran dan Daerah**.

Sembilan (9) PBT telah dipilih bagi merangkul anugerah ini (**rujuk Lampiran**). Tempat pertama bagi setiap kategori akan menerima tunai sebanyak **RM35,000 beserta piala iringan, tempat kedua pula akan menerima tunai sebanyak RM20,000 beserta piala iringan dan tempat ketiga akan memperolehi tunai sebanyak RM10,000 beserta piala iringan**.

JKT menyokong inisiatif KPKT mengiktiraf PBT yang telah melaksanakan usaha-usaha berterusan bagi menggalakkan pembayaran cukai taksiran menggunakan saluran pembayaran tanpa tunai (PBTPay dan saluran pembayaran tanpa tunai lain di PBT).

Penjurian pemilihan pemenang dilakukan ke atas transaksi pembayaran cukai taksiran di PBT bermula **Januari 2024 sehingga September 2024**. Sesi taklimat secara atas talian telah diadakan pada 15 Oktober 2024 **melibatkan 85 PBT dari Semenanjung**

Malaysia, Sabah dan Sarawak. Meskipun terdapat PBT yang mempunyai prestasi pencapaian cashless yang tinggi namun usaha promosi yang berterusan perlu giat dilakukan supaya semua PBT dapat melaksanakan pembayaran secara *cashless*.

Penganjuran Konvensyen PBT 2024 meletakkan objektif utama pelaksanaannya dapat melonjak nilai tambah dan impak yang luas kepada semua warga pengurusan PBT daripada aspek mewujudkan rangkaian hubungan (*networking*) dan Sinergi MADANI di peringkat tempatan dan antarabangsa atas dasar kesepakatan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan yang efisien dan berkualiti kepada rakyat.

Turut hadir, YBhg. Datuk Mohd Zamri bin Mat Zain, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPKT; YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Kemampuan dan Perancangan Strategik) KPKT; YBhg. Dato' Mohd Fadzli bin Mohd Kenali, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT; YBhg. Dato'lr. Dr. Mohd Azhar bin Abd Hamid, Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, KPKT; YBhg. Dato' Mohd Izzadin bin Idris, Pengerusi Paynet; YBrs. Tuan Haji Mohamad Zahri bin Haji Samingon, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya; dan Puan Imelda binti Shubari, Ketua Jabatan Kerajaan Negeri dan Pemerkasaan Luar Bandar, Bahagian Pendigitalan Kerajaan, PayNet.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*



LAMPIRAN

SENARAI PEMENANG ANUGERAH PIHAK BERKUASA TEMPATAN TERBAIK (BEST PBT AWARD) TAHUN 2024

1. Pemenang Kategori Bandaraya:

Tempat Pertama	Majlis Bandaraya Shah Alam	RM35,000 beserta trofi
Tempat Kedua	Majlis Bandaraya Subang Jaya	RM20,000 beserta trofi
Tempat Ketiga	Majlis Bandaraya Pulau Pinang	RM10,000 beserta trofi

2. Pemenang Kategori Perbandaran:

Tempat Pertama	Majlis Perbandaran Kubang Pasu	RM35,000 beserta trofi
Tempat Kedua	Majlis Perbandaran Kangar	RM20,000 beserta trofi
Tempat Ketiga	Majlis Perbandaran Jasin	RM10,000 beserta trofi

3. Pemenang Kategori Daerah:

Tempat Pertama	Majlis Daerah Raub	RM35,000 beserta trofi
Tempat Kedua	Majlis Daerah Tanjung Malim	RM20,000 beserta trofi
Tempat Ketiga	Majlis Daerah Pendang	RM10,000 beserta trofi